



<https://journal.unisza.edu.my/jimk>

**[THE ROLE OF MORALITY IN LIFE: ISLAMIC DISCOURSE REVIEW]**

**PERANAN AKHLAK DALAM KEHIDUPAN: TINJAUAN WACANA AKHLAK ISLAM**

Shaik Abdullah Hassan Mydin<sup>1\*</sup>  
Abdul Salam Muhamad Shukri<sup>2</sup>  
Mohd Abbas Abdul Razak<sup>3</sup>

<sup>1</sup>Pusat Pengajian Pendidikan Jarak, Universiti Sains Malaysia (USM),  
11800 USM Pulau Pinang, MALAYSIA.

<sup>2</sup>Department of Usul al-Deen & Comparative Religion, Kulliyah of Islamic Revealed  
Knowledge and Human Sciences, International Islamic University Malaysia,  
P.O. Box 10, 50728 Kuala Lumpur, Malaysia..

<sup>3</sup>Department of Fundamental & Inter-Disiplinary Studies, Kulliyah of Islamic Revealed  
Knowledge and Human Sciences, International Islamic University Malaysia,  
P.O. Box 10, 50728 Kuala Lumpur, Malaysia.

\*Corresponding author: [abdullah@usm.my](mailto:abdullah@usm.my)

Received Date: 10 Oktober 2019 • Accepted Date: 28 April 2020

**Abstract**

*The significant of moral roles in the life of a person, society and nation, has created healthy Islamic religious discourse of moral issues among Muslims thinkers. This article discusses Islamic religious discourse among scholars, intellectuals, and moralist in relation to the role of morality in human life. The method of study is a qualitative study with data collection based on library research. The results of the discourse are taken for discussion, analysis, and evaluation. The main focus of this article is to highlight the role of morality in human life encompassing its role in individuals, societies, families, and nations. This article finds the role of moral character is to leads to the same purpose, namely to seek the pleasure of God and to gain happiness in the world and in the hereafter. Thus, Islamic morality is a part and partial of the human character as well as to build a perfect man. In this contexts it is crystal clear, without proper morality human character, human being will be degraded to the nature of the animal.*

**Keywords:** *Morality, Current Morality discourse, Islam*

**Abstrak**

Melihat kepada kepentingan peranan akhlak dalam kehidupan seorang, masyarakat dan negara, wacana akhlak Islam di kalangan pemikir Islam bermula dari dulu sehingga kini. Artikel ini membincangkan wacana akhlak Islam dari kalangan para pengkajinya terdiri dari para ulama,

intelektual dan moralis berkaitan dengan peranan akhlak dalam kehidupan manusia. Kajian ini adalah kajian kualitatif dengan pengumpulan data berdasarkan kepada kajian kepustakaan. Hasil wacana akhlak tersebut diambil untuk perbincangan, analisis dan penilaian. Fokus utama artikel ini ialah peranan akhlak dalam kehidupan manusia merangkumi peranannya dalam individu, masyarakat, keluarga dan negara. Kajian ini mendapati akhlak berperanan untuk mengarah kepada tujuan yang sama, iaitu mencari keredaan Tuhan dan mendapat kebahagiaan di dunia dan akhirat. Oleh kerana akhlak Islam adalah sebahagian dari ciri-ciri manusia serta pembentukan manusia sempurna, boleh dikatakan bahawa manusia tanpa akhlak bukan lagi manusia yang sempurna, malah lebih buruk dari tabiat binatang menurut perspektif Islam.

**Kunci kata:** Akhlak, Peranan Akhlak, Wacana Akhlak Semasa, Islam

**Cite as:** Shaik Abdullah Hassan Mydin, Abdul Salam Muhamad Shukri & Mohd Abbas Abdul Razak. 2020. Peranan akhlak dalam kehidupan: Tinjauan wacana akhlak Islam. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 21(1): 38-54.

## PENGENALAN

Akhlak merupakan suatu asas yang utama dalam ajaran Islam. Manusia dituntut untuk berakhlak mulia berbanding dengan makhluk Allah (SWT) yang lain. Ini kerana manusia mempunyai pancaindera dan akal berupaya untuk memilih, menilai dan membandingkan antara perbuatan yang baik, buruk dan salah dalam kehidupan. Kedatangan Rasulullah (SAW) dengan misi utama untuk mengajak manusia ke arah ketakwaan dan berakhlak mulia. Islam melihat Rasulullah (SAW) sebagai suri teladan untuk seluruh umat manusia mengajar akhlak yang mulia secara teori dan praktis.

Artikel ini membincangkan definisi akhlak secara umum meliputi pengertian dari sudut bahasa dan istilah, peranan agama dalam pembentukan akhlak dan kecenderungan-kecenderungan negatif manusia sekarang sehingga membawa kepada keruntuhan akhlak. Artikel ini menumpukan perbincangan kepada peranan akhlak dalam kehidupan manusia.

Seterusnya, artikel ini ditulis berdasarkan penyelidikan kepustakaan dengan menggunakan kaedah deskriptif, perbandingan dan analisis. Pengumpulan data berdasarkan kajian kepustakaan termasuk dari buku-buku dan artikel-artikel tentang persoalan akhlak dan peranannya dalam kehidupan. Di antaranya sumber utama ialah karya klasik Islam terdiri dari karya tokoh-tokoh Islam seperti Ibn Miskawayh (932-1030), Ibn Sina (c. 980-1037), al-Ghazali (c. 1058-1111) dan sebagainya. Kajian ini juga mengambil sumber dari karya moden dari pemikir-pemikir Islam semasa termasuk tulisan Muhammad Iqbal (1877-1938), Muhammad Abdullah Draz (1894-1958), Hamka (1908-1981), Fathi Yakan (1933-2009), Muhammad Qutb (1919-2014), Haron Din (1940-2016) dan lain-lain.

Kajian semasa termasuk Zainal Abidin Ahmad (1975) melihat kepada konsepsi negara bermoral dari perspektif Imam al-Ghazali. Kajian terbaru Alies Anor Abdul (2016) juga menyokong pemikiran al-Ghazali tentang akhlak dalam negara maslahat. S. M. N. al-Attas (1976; 1995) melihat kepentingan agama sebagai asas kepada pembentukan akhlak dan moral manusia. Kajian Sudarsona (1990) melihat gejala kenakalan anak-anak remaja semasa yang bertentangan dengan akhlak Islam. Kajian lain termasuk Abdul Salam Muhamad Shukri (1990)

memfokuskan kepada perubahan nilai akibat dari perubahan sosial dalam masyarakat. Mohd Abbas Abdul Razak (1992) pula lebih menumpukan kepada konsep pendidikan akhlak menurut Muhammad Iqbal. Abdul Haq Ansari (1989) dan Abdullah Hassan Zaroug (1999), antaranya melihat sumbangan ulama kalam, tasawuf, falsafah dan fikah serta politik dan ekonomi dalam bidang akhlak Islam. M. Kamal Hassan (2011: 125-46) melihat kepentingan pendidikan, media dan masyarakat madani dalam membina nilai-nilai akhlak dan pertanggungjawaban. Mohd Abbas Abdul Razak (2017) melihat akhlak sebagai asas kepada sistem nilai Islam. Artikel ini merupakan tinjauan ringkas mengenai sebahagian dari wacana akhlak Islam dan peranannya dalam kehidupan manusia.

## TINJAUAN TENTANG DEFINISI AKHLAK DAN ISTILAH BERKAITAN

Perkataan akhlak dalam bahasa Melayu berasal dari bahasa Arab, “*akhlaq*.” Umat Islam sekarang sering menggunakannya di samping istilah lain yang berkaitan, iaitu moral, etika, susila dan budi pekerti. Walaupun kesemua istilah tersebut mempunyai persamaan maksud, namun terdapat sedikit perbezaan di antara istilah-istilah tersebut.

Di bawah ini perbincangan umum tentang pengertian dan perbezaan akhlak dengan istilah-istilah berkaitan seperti moral, etika, susila dan budi pekerti.

### Akhlak

Dari segi bahasa perkataan akhlak berasal dari bahasa Arab, “*akhlaq*,” iaitu kata jamak untuk perkataan “*khuluq*,” yang bermaksud “budi pekerti, perangai, tingkah laku atau tabiat.” (Ma’luf 1984: 194; Zaroug 1999; Mohd Abbas 2017). R. Walzer dan H. A. R Gibb menterjemahkan perkataan *akhlaq* (jamak dari *khuluq*) sebagai kecenderungan semulajadi atau “*innate disposition*.” Manakala perkataan *khuluq* pula mempunyai persesuaian dengan perkataan “*khalq*” yang bererti kejadian. Ia juga mempunyai hubungan rapat dengan perkataan “*khaliq*” yang bererti pencipta. Demikian juga dengan perkataan “*makhluq*” yang bererti yang dicipta atau ciptaan.

Menurut *Kamus Dewan* (2005: 25), akhlak merupakan kata jamak bagi khuluk bermaksud “budi pekerti, kelakuan, tabiat.” Abdullah Yusof (1979: 4) pula memberi sinonim perkataan akhlak sebagai “adab; kelakuan; tabiat; watak; budi pekerti; tatatertib; moral; perangai; budi bahasa; tingkah laku; perbuatan; sikap; usul; sifat; pekerti; takah.” Berdasarkan keterangan pertama mengenai akhlak dapat dikatakan terwujudnya tingkah laku dengan ada gerak laku dari pencipta, maka terwujud yang dicipta. Dengan kata lain antara kata akhlak dan khuluk dalam bahasa Arab yang mempunyai asal kata kerja yang sama adanya hubungan yang erat antara istilah-istilah tersebut.

### Moral

Perkataan moral berasal dari bahasa Latin, *moralis* bermaksud “*mores* atau adat.” (Zaroug 1999) Untuk lebih lanjut dalam bahasa Melayu, kata “*mores*” bermaksud “tatalaku”, adat, kebiasaan dan sebagainya yang sudah mendasari nilai-nilai kehidupan sesuatu kumpulan atau masyarakat.” (*Kamus Dewan* 2005: 1043) Perkataan moral di sini bermaksud “ajaran atau

pegangan tentang buruk baik sesuatu perbuatan (kelakuan dan lain-lain), sikap atau cara berkelakuan yang berasaskan atau yang diukur dari segi baik buruk sesuatu akhlak.” Ia juga “berkaitan dengan apa yang betul atau adil.” Perkataan moral juga bermaksud “semangat untuk menghadapi ejekan (olokan) demi mempertahankan kebenaran.” (Kamus Dewan 2005: 1043).

Menurut *Ensiklopedia Pendidikan* (1981: 219), perkataan moral mempunyai maksud, (a) sesuatu istilah untuk menentukan batas-batas dari sifat-sifat, corak-corak, maksud-maksud, pertimbangan-pertimbangan, atau perbuatan-perbuatan yang secara layak dapat dinyatakan baik/buruk, benar/salah; dan (b) pada individu: unsur-unsur yang merupakan sifat-sifat kelakuan yang disebut baik/buruk, serta sesuai dengan ukuran-ukuran yang diterima oleh seluruh kelompok di mana individu itu berada.

### **Etika**

Perkataan etika pula menurut *Kamus Dewan* (2005: 401) bermaksud “ilmu berkenaan prinsip-prinsip akhlak atau moral.” Ia juga bermaksud “prinsip moral (atau akhlak) atau nilai-nilai akhlak yang menjadi pegangan seseorang individu atau sesuatu kumpulan (persatuan, pekerjaan dan lain-lain).”

Menurut *Encyclopedia Britannica* (1972: 8:752), perkataan moral bermaksud “*Ethics (from Greek Ethos, character) is the systematic study of the nature of value concepts, ‘good’, ‘bad’, ‘ought’, ‘right’, ‘wrong’, etc., and of the general principles which justify us in applying them to anything; also called moral philosophy (from Latin mores, customs).*” (Maksudnya: Etika (berasal dari perkataan Yunani Ethos; tingkah laku) adalah suatu kajian yang sistematik mengenai dasar dari konsep-konsep nilai, iaitu baik, buruk, harus, benar, salah dan sebagainya; juga merupakan prinsip-prinsip umum yang wajar kita gunakan dalam menilai apa saja; juga disebut Falsafah Moral (berasal dari Latin Mores, adat kebiasaan).

### **Susila**

Perkataan susila atau kesusilaan berasal dari bahasa Sanskrit. Menurut *Kamus Dewan* (2005: 1552) perkataan susila bermaksud “baik budi bahasanya, beradab, sopan, tertib.” *Ensiklopedia Indonesia* (1984: 3386) memberi pengertian susila sebagai istilah yang menyatakan, bahawa kelakuan atau perbuatan seseorang adalah baik dan sopan; serta menurut norma-norma yang dianggap baik.”

### **Budi Pekerti**

Menurut *Kamus Dewan* (2005: 212) perkataan budi bermaksud “akal, kebijaksanaan.” Budi juga bermaksud “sifat baik, perbuatan baik.” Selain itu, budi juga bermaksud “bicara, daya upaya.” Manakala budi pekerti merujuk kepada “perangai, akhlak, tingkah laku, kelakuan, watak.”

Secara umumnya perkataan moral dan etika mempunyai hubungan yang erat. Kebanyakan orang sering menggunakan kedua istilah ini dengan maksud yang sama, iaitu menunjukkan pada kebiasaan dan tingkah laku seseorang. Dalam hubungan ini, kedua-duanya

mempunyai perbezaan dalam penggunaannya. Penjelasan mengenai perbezaannya, seperti yang dijelaskan dalam buku *“Living Issue in Philosophy”* adalah seperti berikut:

*“The term moral and ethics are closely related in their original meanings. The former comes from the Latin morals, and the later from the Greek ethos. Both mean “the custom or way of the life”. Modern usage of morality refers to conduct itself and ethic to the study of moral conduct.”* (Titus 1986: 145)

(Maksudnya: Kedua istilah moral dan etika mempunyai hubungan yang erat pada pengertian dasarnya. Moral berasal dari kata moralis dan Etika dari kata Yunani Ethos. Pengetian keduanya ditujukan pada; kebiasaan atau cara hidup. Pada pengertian moden dewasa ini, moralitas adalah dihubungkan pada tingkah laku, sedangkan etika merupakan bidang kajian mengenai tingkah laku atau perbuatan bermoral).

Berdasarkan kepada pengertian di atas dan dalam menerangkan perbezaan di antara akhlak dengan etika, moral dan lain-lain, Harun Din (1996) berpendapat bahawa terdapat empat perbezaan yang nyata:

- a. Akhlak Islamiah bersumber kepada wahyu atau syarak. Sedangkan etika dan lain sebagainya bersumber selain wahyu, iaitu sistem pemikiran manusia seperti falsafah dan sebagainya.
- b. Sistem akhlak menjamin kebahagiaan dunia dan akhirat. Sedangkan etika dan sebagainya hanya untuk kebahagiaan dunia saja.
- c. Prinsip-prinsip akhlak bersifat universal, dan tidak terikat pada batas-batas daerah dan undang-undang ciptaan manusia.
- d. Sistem akhlak mampu menundukkan jiwa manusia untuk mengikutinya. Sedangkan etika dan yang lainnya adalah ciptaan manusia yang diselaraskan dengan keinginan dan pemahaman manusia tentang hidup.

Seterusnya, berdasarkan kepada huraian-huraian mengenai akhlak, moral, etika, susila mahupun budi pekerti, dapat difahami bahawa sasaran semua penjelasan tersebut di atas ditujukan pada satu hal yang jelas, iaitu mengenai perbuatan atau tingkah laku manusia. Di samping perbezaan-perbezaan dari segi definisi yang diterangkan mengenai akhlak, etika dan sebagainya, dewasa ini telah terjadi kelaziman dalam kalangan cendekiawan Muslim dalam menggunakan istilah “Moral Islam,” “Etika Islam” dan sebagainya yang pada kandungannya membicarakan Akhlak Islam dan tidak sebagaimana definisi yang diterangkan sebelumnya.

## **DEFINISI AKHLAK MENURUT AHLI FALSAFAH ISLAM**

Huraian sebelum ini berdasarkan pengertian akhlak menurut bahasa, istilah dan sinonimnya. Di bahagian ini pengkaji menganalisis pendapat atau pengertian akhlak menurut beberapa tokoh falsafah pemikir Islam.

Menurut Ibn Miskawayh (1994: 56; Zurayk 1968: 29) pula akhlak adalah “sesuatu keadaan jiwa (*hal al-nafs*). Keadaan ini menyebabkan jiwa bertindak tanpa dipikir atau dipertimbangkan secara mendalam.” Sedangkan menurut Ibn Sina, pengertian akhlak adalah

sebagai berikut: “Akhhlak ... adalah getaran yang terjadi dalam jiwa yang berperasaan ... akhhlak adalah suatu pembawaan yang lahir dari dalam jiwa yang gampang menampilkan sesuatu gerakan.”

Menurut al-Ghazali (III: 52; Abul Quasem 1978: 79) akhhlak ialah “suatu sikap (*hay'ah*) yang mengakar dalam jiwa yang darinya lahir berbagai perbuatan dengan cara mudah dan senang, tanpa perlu kepada pemikiran dan pertimbangan. Jika sikap itu yang darinya lahir perbuatan baik dan terpuji, baik dari segi akal dan *shar'* maka ia disebut akhhlak yang baik. Dan jika yang lahir darinya perbuatan yang tercela, maka sikap tersebut disebut akhhlak yang buruk.”

Berdasarkan pendapat Ibn Miskawayh, Ibn Sina dan al-Ghazali, serta pemikir Islam lain mengenai akhhlak, maka dapat disebut bahawa akhhlak manusia itu bersumber atau lahir dari jiwa atau hati manusia. Dengan perkataan lain, dapat dikatakan akhhlak seseorang adalah manifestasi atau pencerminan tentang kedudukan jiwa seseorang. Apabila jiwa seseorang itu bersih dari noda dan maksiat, maka lahirlah akhhlak yang mulia. Sebaliknya, lahir akhhlak yang buruk lagi bertentangan dengan nilai-nilai agama dan budaya apabila jiwa seseorang itu lalai dari kehendak agama Islam.

Secara umum para ulama Islam mengklasifikasikan tingkah laku manusia kepada dua kelompok, iaitu: (1) akhhlak mahmudah dan (2) akhhlak mazmumah. Akhhlak mahmudah adalah segala perilaku mulia yang terdapat dalam kehidupan Rasulullah (SAW) selaku manusia yang mulia diutus Allah (SWT) untuk membimbing umat manusia, telah dididik oleh Allah melalui wahyu agar menjadi manusia yang sempurna (Arab, *insan kamil*).

Segala corak hidup Rasulullah (SAW) adalah merupakan pendidikan akhhlak yang terkandung dalam al-Quran. Secara singkat dapat dikatakan, bahawa proses pembentukan insan kamil adalah menghiiasi peribadi Muslim dengan akhhlak karimah. Adapun anjuran yang didapati dalam al-Qur'an mengenai pembentukan insan kamil adalah dengan menjalankan segala perintah Allah (SWT), dan meninggalkan segala larangan-Nya. Kesan dari pendidikan al-Quran dan sirah nabawi terwujudlah sifat-sifat mulia pada individu Muslim.

Menurut Fathi Yakan (1987: 23-24), sifat-sifat mulia yang harus dimiliki oleh seseorang Muslim antara lainnya adalah sebagai seperti berikut: (1) sifat amanah atau jujur (2) lemah-lembut (3) pemaaf (4) berbuat baik (5) santun dan beramah-tamah (6) khusyuk (7) malu (8) sabar dan tabah (9) adil (10) bersaudara (11) satria (12) bersih dan suci (13) belas kasihan (14) dermawan (15) damai (16) berani (17) bertolong-tolongan, bantu membantu (18) menerima (19) menjaga harga diri (20) menjauhi subahat (21) menjauhi prasangka dan ragu-ragu (22) baik hati dan berkata benar (23) cinta kepada Allah, Rasulullah, orang tua, masyarakat, Negara, perpaduan dan perdamaian sesama makhluk, dan sebagainya.

Sedangkan akhhlak *madhmumah* adalah kebalikan atau bertentangan dengan akhhlak *karimah*. Dengan mengerjakan sifat-sifat tercela yang termasuk dalam kategori akhhlak *madhmumah*, martabat dan taraf seseorang Muslim akan menurun. Justeru itu, kedudukannya selaku khalifah Allah di permukaan alam ini menurun ke taraf yang rendah sebagaimana yang tersebut dalam al-Qur'an dengan maksudnya: “Kemudian (jika ia panjang umur sehingga tua atau menyalahgunakan kelengkapan itu), Kami kembalikan dia keserendah-rendah peringkat orang-orang yang rendah.” (Surah al-Tin (95): 5)

Di antara sifat-sifat yang buruk, rendah lagi tercela adalah seperti berikut: (1) bakhil (2) tamak dan lobakan harta dunia (3) panjang angan-angan (4) sombong takbur (5) ingin dan kasihkan kemegahan (6) ingin namanya terkenal dan masyhur (7) hasad dengki (8) dendam

kesumat (9) khianat dan niat jahat (10) bertabiat lalai kepada Allah (11) bangga kepada diri sendiri kerana disangka dirinya lebih baik (*'ujub*) (12) membuat kebajikan kerana hendak memperlihatkan kepada orang lain (*riya'*) (13) memperdengar kepada orang suatu kebajikan yang dibuatnya supaya mendapatnya supaya mendapat pujian orang (*sum'ah*) (14) dan lain-lain daripada sifat-sifat keaiban hati.

## **PERANAN AGAMA DALAM PEMBENTUKAN AKHLAK**

Agama Islam adalah agama yang menjamin kebahagiaan di dunia dan akhirat. Kebahagiaan yang dijamin oleh Islam boleh dinikmati apabila kesemua nilai aqidah, syariat dan akhlak dapat dilaksanakan secara integral dalam kehidupan ini. Al-Qur'an sebagai pegangan umat Islam begitu luas membahas masalah-masalah yang berhubungan dengan akhlak (Draz 2008). Menurut Prof. Dr. Omar Mohamad al-Toumy al-Shaybany (t.t, 313), jumlah ayat yang diturunkan kepada Nabi Muhammad (SAW) yang berhubungan dengan akhlak adalah sebanyak seribu lima ratus empat (1054) ayat yang berhubungan dengan akhlak, baik dari segi teori atau dari segi praktik. Jadi kadar ini merupakan hampir seperempat ayat-ayat al-Qur'an semuanya.

Pendidikan akhlak yang diterangkan dalam al-Qur'an adalah mencakupi segala aspek kehidupan manusia. Kalau diteliti secara mendalam isi pendidikan akhlak yang terdapat dalam al-Qur'an, kita akan sampai kepada suatu kesimpulan, bahawa semua anjuran itu dapat diklasifikasikan ke dalam dua anjuran: (1) hubungan *vertical*, iaitu menjaga hubungan baik dengan Allah (2) hubungan horizontal, iaitu menjaga hubungan baik dengan sesama manusia. Kedua jenis hubungan ini adalah diterangkan secara jelas dalam firman Allah yang bermaksud: "Mereka ditimpakan kehinaan (dari segala jurusan) di mana sahaja mereka berada, kecuali dengan adanya sebab Allah dan adanya sebab dari manusia. Dan sudah sepatutnya mereka beroleh kemurkaan dari Allah, dan mereka ditimpakan kemiskinan (dari segala jurusan). Yang demikian itu, disebabkan mereka sentiasa kufur ingkar akan ayat-ayat Allah (perintah-perintah-Nya), dan mereka membunuh Nabi-nabi dengan tiada alasan yang benar. Semuanya itu disebabkan mereka derhaka dan mereka sentiasa mencerobohi (hukum-hukum Allah)." (Surah Al 'Imran (3): 112).

Selain dari anjuran ayat tersebut di atas, terdapat juga sabda Rasulullah (SAW) yang mengatakan: "Akhlak yang baik adalah sebahagian dari agama." (HR al-Daylami dalam al-Sayuti, t.t., 148). Melalui ayat al-Quran dan hadis di atas, kita dapat mengambil kesimpulan, bahawa inti pati dari ajaran agama adalah untuk melahirkan manusia-manusia Muslim yang berakhlak mulia lagi bertakwa. Seorang Muslim yang berakhlak mulia adalah dia yang menjaga hubungan baik dengan Allah dan sesama insan. Agama Islam yang mempunyai nilai-nilai universal, mempunyai konsep akhlaiknya tersendiri.

Pendidikan akhlak dalam berpusat pada prinsip-prinsip agama sebagai berikut: (1) Allah adalah sebagai Pencipta dan sumber dari segala kebaikan, kebenaran dan keindahan (2) Manusia adalah makhluk yang diberi tanggungjawab sebagai khalifah yang penuh kemuliaan dari Penciptanya (3) Allah telah menjadikan yang ada di langit dan bumi hanya untuk mencukupi keperluan manusia (4) Dengan kasih sayang dan kebijaksanaan-Nya, Allah tidak akan menyuruh manusia melakukan apa-apa yang tidak mungkin dilakukannya, dan sebaliknya Allah tidak melarang manusia untuk menikmati hidupnya (5) Sikap senang dan seimbang merupakan jaminan yang tinggi bagi ketulusan hati dan moral (6) Segala sesuatu pada prinsipnya boleh dikerjakan, dengan berpegang pada ketentuan yang wajib harus dikerjakan

dan dilarang harus ditinggalkan (7) Manusia dituntut untuk bertanggungjawab kepada Allah dan tujuannya yang paling tinggi adalah keredaan-Nya (Abdalati 1966: 88)

Potensi agama dalam membina peribadi yang mulia adalah besar sekali. Orang Muslim yang tinggi penghayatan prinsip-prinsip Islam pada lazimnya baik pula akhlnya, kerana ketaatan terhadap agama menjauhkannya dari hal-hal yang dilarang oleh Allah dan Rasul-Nya. Sebaliknya, lemahnya penghayatan seseorang terhadap prinsip-prinsip agama akan membuka kesempatan untuk melakukan hal-hal yang dilarang dalam Islam. Dengan melakukan hal-hal tersebut, akhln seseorang itu akan menurunkan.

Hubungan agama dan akhln adalah begitu erat sekali. Untuk mengukur penghayatan agama sesuatu bangsa, cukuplah dengan mengukur ketinggian akhln bangsa tersebut (Abdullah al-Qari Hj. Salleh 1985: 98). Hal ini adalah suatu yang jelas kalau kita bandingkan negara-negara yang meninggalkan atau menolak sama sekali ajaran-ajaran agama, seperti negara-negara Komunis yang mengamalkan falsafah hidup ateisme. Dalam hubungan antara akhln dan agama, Rasulullah (SAW) pernah bersabda dalam hadis yang berbunyi: "Orang-orang Mu'min yang paling sempurna imamnya ialah yang baik akhlnya." (HR Abu Dawud: 4062)

Agama Islam adalah agama yang memberi perhatian yang seimbang dalam menerapkan ajaran akhlnya bersama-sama dengan ajaran tauhid dan syariatnya. Ajaran akhln dalam Islam adalah suatu yang praktik dan sesuai dengan kesanggupan manusia untuk melaksanakannya, bila dan di mana sahaja mereka berada. Untuk mencapai tujuannya, iaitu untuk mewujudkan manusia-manusia yang bertakwa lagi berakhln, agama Islam tidak pernah menentang fitrah manusia sebagaimana yang diajarkan oleh setengah-tengah agama untuk sampai kepada kehidupan akhln dalam agama-agama tersebut. Sebagai contoh, Rasulullah (SAW) pernah bersabda dalam satu hadis yang bermaksud: "Maka sesungguhnya bagi diri kamu itu ada hak, bagi jasad kamu ada hak, dan bagi isteri kamu juga terdapat hak. (HR Abu Dawud: 2933)

Dalam membicarakan peranan agama dalam pembentukan akhln, kita perlu membicarakan kedudukan atau fungsi ilmu akhln secara khusus dalam pendidikan Islam. Ilmu akhln adalah salah satu jurusan atau cabang dari ilmu-ilmu Islam. Dalam membincangkan kedudukan ilmu akhln, Hamka (Berita Harian 1991: 1) berpendapat seperti berikut: (1) Ilmu akhln menjelaskan baik dan buruk, (2) menggerakkan kemanusiaan dalam lubuk diri manusia, (3) menerangkan tujuan atau kaedah dalam aspek perbuatan, (4) menunjukkan cara-cara bagaimana jalan-jalannya untuk melakukan sesuatu perbuatan, dan (5) menerangkan apakah seharusnya dilakukan oleh manusia.

Dari kelima keterangan di atas mengenai fungsi ilmu akhln dapat dikatakan bahawa sumber pendidikan akhln itu dalam Islam adalah al-Quran dan al-Hadis, sedangkan ilmu akhln adalah sesuatu yang menerangkan cara operasionalnya bagaimana akhln diterapkan dalam kehidupan sehari-hari seorang Muslim. Pendekatan yang terdapat dalam al-Quran dan al-Hadis dalam upaya menerangkan pentingnya akhln yang mulia dalam kehidupan adalah sama seperti agama-agama samawi yang lainnya.

Dalam kedua-dua sumber tersebut, kita dapati bahawa ganjaran berupa pahala dan kemuliaan dijanjikan bagi orang-orang yang dapat mengikuti segala nilai-nilai akhln yang terkandung dalam ajaran Islam. Salah satu hadis di antara banyak hadis yang memberi semangat dan motivasi untuk berakhln yang mulia adalah seperti berikut: "Tidak ada sesuatu yang lebih

berat pada timbangan (*mizan*) selain daripada akhlak yang baik.” (HR. Tirmizi: 2134)

Dari huraian di atas mengenai peranan agama dalam pembentukan akhlak dapat dikatakan, bahawa kehidupan Islam tanpa akhlak adalah suatu yang gersang, ibarat pohon yang tidak berbuah. Selain daripada itu, seorang Muslim yang tidak berakhlak mulia adalah seorang Muslim yang belum tinggi ketakwaannya terhadap Allah (SWT). Tujuan yang terkandung dalam falsafah akhlak Islamiyyah adalah suatu yang mempunyai ciri-ciri suci atau sakral, iaitu bertujuan untuk menjalin hubungan yang baik dengan Allah (SWT) dan di antara sesama manusia.

## **KECENDERUNGAN-KECENDERUNGAN NEGATIF MANUSIA SEMASA**

Manusia di abad moden ini walaupun sama seperti manusia di abad-abad terdahulu dari segi pembentukan fizikalnya namun punya perbezaan yang ketara dari segi kemajuan ilmu pengetahuan dan teknologi serta potensi berfikir secara saintifik. Semua kemajuan sains dan teknologi yang dicapai secara evolusi mahupun revolusi telah membolehkan manusia untuk mendarat di bulan dan melakukan kajian-kajian ilmiah mengenai alam semesta.

Di sebalik segala kehebatan ini, manusia sekarang pada abad yang serba canggih ini mempunyai kecenderungan-kecenderungan yang negatif. Hal ini menjadi batu penghalang untuk menikmati kebahagiaan yang dijanjikan agama. Kecenderungan-kecenderungan negatif ini timbul kerana manusia sekarang menyenangi apa yang dikenal dengan ‘*despiritualisasi*.’ Menurut H. Safwan Idris (1988: 17) istilah *despiritualisasi* merujuk kepada “pengabaian, menyia-nyikan, penafian dan bahkan penindasan terhadap nilai-nilai rohaniah dalam kehidupan manusia. Oleh sebab manusia merupakan bagian integral dari eksistensinya, maka *despiritualisasi* akan melahirkan suatu kehidupan yang komplikasi *disintegrative* dan *fragmentatif*. *Despiritualisasi* lahir dari kelalaian manusia untuk mengenal dirinya dan memahami status dirinya sebagai makhluk yang diciptakan Tuhan dengan suatu tujuan dan bukan untuk kesia-siaan.”

Tidaklah berlebih-lebihan kalau dikatakan melalui proses *despiritualisasi* lahirlah manusia-manusia yang rendah nilai agama dan moral, lupa identiti diri selaku khalifah Allah di muka bumi ini dan mudah terpengaruh dengan norma-norma hidup yang berlawanan dengan Islam. Manifestasi *despiritualisasi* dari golongan-golongan yang dilanda gejala ini dapat dilihat dengan terang dan nyata apabila terdapat dalam masyarakat orang-orang yang gila kepada pangkat, menjadi materialis, egois, *agnostic*, *skeptik*, fasiq dan sebagainya.

Muhammad Qutb (1985), setelah meneliti gejala-gejala di atas yang mengancam kehidupan agama dan akhlak manusia dewasa ini, telah sampai kepada suatu kesimpulan yang disebut sebagai “jahiliah moden.” Menurut beliau, “kejahilan mempunyai persamaan dengan hawa nafsu.” Manusia yang hidup mengikuti tuntutan hawa nafsunya dan tidak mau mematuhi apa yang telah diturunkan Allah (SWT). Mereka itulah manusia yang berada di dalam suasana kejahilan. Satu-satunya sebab yang membuat mereka menjadi manusia jahiliah ialah penolakan terhadap hidayah ilahi ...” (Qutb 1985: 20).

Pengertian jahiliah mempunyai persamaan dengan *despiritualisasi*, di mana keduanya adalah penafian terhadap unsur hidayah yang suci (sakral) dari Allah bagi umat manusia. Kehidupan jahiliah moden lebih berbahaya, lebih buruk dan kejam dari jahiliah kuno. Efek jahiliah kuno bersifat regional, sedangkan jahiliah moden membawa kesan buruk dan fatal

kepada seluruh dunia. Selain itu, gejala-gejala jahiliah kuno dapat dilihat dengan jelas dan nyata, sedangkan gejala jahiliah moden sebahagiannya adalah bersifat halus, ilmiah dan bermanfaat pada umat manusia, namun lambat laun mendatangkan kehancuran dan kemusnahan yang lebih parah dari jahiliah kuno kepada manusia.

Keterangan yang lebih jelas lagi mengenai jahiliah moden dapat diteliti dari ciri-ciri yang diberikan oleh Muhammad Qutb, antaranya (1) jahiliah moden adalah jahiliah ilmiah, (2) jahiliah yang lahir dari hasil “penelitian” kajian dan berbagai macam pandangan teori! (3) jahiliah moden adalah suatu sistem yang berakar mendalam! (4) ia adalah jahiliah yang muncul dari kemajuan material yang dibangga-banggakan kekuasaan dan kekuatannya serta disombongkan kesanggupan menembus lapisan cakerawala, (5) jahiliah kedengkian yang diatur, dipelajari, dicernakan dan diarahkan untuk menghancurkan manusia, atas dasar-dasar ilmiah! (6) kejahiliah yang tidak ada tolak bandingnya dalam sejarah! (Qutb 1985: 21-22).

Sungguh tepat ciri-ciri jahiliah moden yang telah diutarakan oleh Muhammad Qutb, kerana manusia sekarang sudah tidak memperhatikan nilai-nilai kemanusiaan yang penuh dengan kasih sayang dan belas kasihan di antara sesama insan. Dewasa ini, untuk mencapai hasrat keinginannya manusia suka berperang dengan menggunakan alat peperangan yang sungguh canggih dan berbahaya, yang menyebabkan terkorbannya jiwa-jiwa manusia yang tidak berdosa, kehancuran kepada tumbuh-tumbuhan dan haiwan serta kerosakan pada alam sekitar.

Banyak kerosakan yang berlaku di dunia ini adalah hasil dari tindakan manusia yang terburu-buru tanpa memikirkan nasib serta kesan yang mereka alami. Kerosakan-kerosakan ini adalah bertepatan dengan yang terkandung dalam firman Allah yang bermaksud: ‘Telah timbul berbagai kerosakan dan bala bencana di darat dan di laut dengan sebab yang telah dilakukan oleh tangan manusia; (timbul yang demikian) kerana Allah hendak merasakan mereka sebahagian dari balasan perbuatan buruk yang mereka telah lakukan, supaya mereka kembali (insaf dan bertaubat).’ (Surah al-Rum (30): 41)

Perbuatan ‘tangan manusia’ pada masa kini dapat dihubungkan dengan teknologi semasa, dan teknologi itu tidak lain dari pemanjangan tangan manusia sendiri. Puncak dari segala kerosakan yang dikerjakan oleh tangan-tangan jahil manusia terhadap lingkungannya adalah dimulai dari kerosakan hati (nilai-nilai akhlak) manusia itu sendiri (Sudarsona 1990: 116).

Berbicara tentang kecenderungan-kecenderungan ke arah kejahatan sosial pula, dapat dilihat bahawa golongan remaja di mana sahaja baik di Timur mahu pun di Barat merupakan yang paling ramai melakukan kejahatan tersebut dibandingkan dengan golongan lain. Kejahatan-kejahatan yang mereka lakukan, secara umumnya dikaitkan dengan istilah ‘*juvenile delinquency*’ (kenakalan remaja). Kejahatan-kejahatan yang termasuk dalam kategori kenakalan remaja adalah seperti berikut: (1) berupa ancaman terhadap hak milik orang yang lain yang berupa benda seperti; pelacuran dan penggelapan, (2) berupa ancaman terhadap keselamatan jiwa orang lain, seperti pembunuhan dan penganiayaan sehingga menyebabkan kematian, dan (3) perbuatan-perbuatan ringan lain, seperti; pertengkaran sesama anak beranak, meminum minuman keras, bergadang atau berkeliaran sehingga larut malam (Sudarsona 1990: 116).

Dari huraian-huraian di atas mengenai kecenderungan-kecenderungan negatif manusia

sekarang ini dapat diambil suatu kesimpulan, bahawa manusia sekarang sudah lupa atau telah meninggalkan anjuran-anjuran agama untuk menjadikan dunia ini sebagai tempat yang aman lagi bersih dari kekacauan.

Cara penyelesaian yang baik untuk mengatasi masalah-masalah yang dihadapi oleh manusia sekarang adalah dengan memerangi '*despiritualisasi*' dengan '*respiritualisasi*'. Hanya dengan proses '*respiritualisasi*', jiwa manusia yang telah lalai dan menyimpang dari hidayah Allah (SWT) dapat dibangkitkan semula menuju tujuan hidup yang sebenarnya, iaitu mencari keredaaan Allah (SWT) dan kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat.

## **PERANAN AKHLAK DALAM KEHIDUPAN MANUSIA**

Akhlak adalah suatu yang utama dalam ajaran agama Islam. Hanya manusialah yang dituntut untuk berakhlak mulia bila dibandingkan dengan ciptaan Allah (SWT) yang lain. Hal ini dituntut dari manusia kerana ia di samping berpanca indera, ia juga diberi akal untuk memilih, menilai dan membandingkan di antara perbuatan yang baik, buruk atau salah dan benar dalam kehidupannya.

Menurut al-Quran, kedudukan manusia yang tidak berakhlak mulia adalah rendah sekali. Sebagai contoh, apa yang kita dapati dalam ayat al-Quran yang bermaksud: "Dan sesungguhnya Kami jadikan untuk neraka jahanam banyak dari jin dan manusia yang mempunyai hati (tetapi) tidak mahu memahami dengannya (ayat-ayat Allah), dan yang mempunyai mata (tetapi) tidak mahu melihat dengannya (bukti keesaan Allah) dan yang mempunyai telinga (tetapi) tidak mendengar dengannya (ajaran dan nasihat); mereka itu seperti binatang ternak, bahkan mereka lebih sesat lagi; mereka itulah orang-orang yang lalai." (Surah al-A'raf (7): 179).

Manusia bukan mulia hanya kerana pembentukan fizikalnya saja, akan tetapi yang lebih utama adalah kerana ketakwaan dan akhlaknya. Sehubungan dengan ini, Hamka (1983: 22) ada memetik pepatah Arab yang berbunyi: "Hadapilah jiwamu dan sempurnakan keutamaan-keutamaannya, kerana engkau disebut seorang insan, bukan lantaran tubuhmu, tetapi lantaran jiwamu." Peranan akhlak dalam kehidupan manusia adalah suatu yang penting sekali. Tanpa akhlak, manusia akan hilang kedudukannya sebagai makhluk yang mulia, dan hidupnya jauh dari nilai-nilai kemanusiaan yang diajarkan oleh Islam.

Berikut ini adalah huraian mengenai peranan akhlak pada beberapa segi dalam kehidupan manusia:

### **Peranan Akhlak dalam Kehidupan Individu dan Masyarakat**

Dalam kehidupan individu mahu pun masyarakat, akhlak yang mulia merupakan perhiasan yang paling tinggi nilainya yang dimiliki oleh seseorang Muslim. Orang-orang yang berakhlak mulia adalah orang yang mempunyai rasa tanggungjawab yang tinggi mengenai tingkah laku diri peribadinya sendiri dan masyarakat yang berhubungan dengan nilai-nilai akhlak yang terdapat dalam ajaran agama.

Akhlak mulia yang lahir dari ketakwaan yang sejati kepada Allah mencegah seseorang Muslim dari perbuatan-perbuatan yang dipandang jijik lagi hina oleh Allah dan Rasul-Nya. Hidupnya dapat mencerminkan falsafah hidup yang Islamik yang jauh dari sifat-sifat angkuh,

egoistik, munafik, fasik dan sebagainya.

Tujuan dan perjuangan hidup yang terkandung dalam falsafah hidup Muslim yang baik akhlaknya adalah menuju ke arah pembentukan insan kamil yang dianjurkan oleh Rasulullah (SAW). Dalam menerangkan maksud tentang insan kamil, Imam al-Ghazali mendefinisikannya

sebagai “seorang manusia yang mengabdikan kepada tuhan berjuang untuk masyarakat, menyempurnakan sifat-sifat peribadinya.” (Zainal Abidin Ahmad 1975: 190)

Terdapat banyak hadis Rasulullah (SAW) yang memberi petunjuk pada umat Islam untuk berakhlak mulia secara peribadi mahu pun secara kolektif. Berikut ini adalah beberapa terjemahan hadis Rasulullah (SAW) yang mendatangkan kebahagiaan kepada umat Islam:

“Tidak sempurna iman seseorang kamu sehingga ia mencintai untuk saudaranya apa yang ia mencintai untuk dirinya sendiri.” (HR al-Bukhari: 2623).

“Bukanlah orang beriman itu yang kenyang (dirinya sendiri), sedangkan tetangganya lapar sampai ke rusuknya.” (HR al-Bukhari: 112)

*“Barangsiapa yang beriman kepada Allah dan hari akhirat, maka hendaklah dia berbuat baik kepada jirannya.”* (HR Muslim: 77)

Barang siapa yang beriman kepada Allah dan hari akhirat, maka hendaklah ia berkata baik atau diam, barang siapa yang beriman kepada Allah dan hari akhirat, maka hendaklah ia memuliakan tetangga dan barang siapa yang beriman kepada Allah dan hari akhirat, maka hendaklah ia memuliakan tamunya”. (HR al-Bukhari: 6018, Muslim: 47)

“Yang disebut dengan muslim sejati adalah orang yang selamat orang muslim lainnya dari lisan dan tangannya”(HR al-Bukhari: 10, Muslim 40)

Hadis-hadis sahih di atas, mengajarkan manusia untuk memperhatikan akhlak mulia, agar dia disenangi oleh masyarakat. Selain itu, dengan melaksanakan anjuran-anjuran tersebut, dapat terbinanya rasa perpaduan dan persaudaraan sesama Islam dan menjadi umat yang kuat dan hidup harmoni.

### **Peranan Akhlak dalam Keluarga**

Keluarga adalah suatu institusi kecil dalam sebuah masyarakat dan negara. Bagi anak-anak, keluarga adalah tempat pertama mereka mendapat pendidikan akhlak, sebelum mereka memasuki alam persekolahan dan sebagainya.

Apabila nilai-nilai akhlak diberi keutamaan dalam sebuah keluarga, maka akan wujudlah keadaan yang sungguh menguntungkan anak-anak mahu pun anggota keluarga lainnya. Hasil dari mempertahankan nilai-nilai akhlak, dapat mewujudkan suasana kebahagiaan dalam keluarga tersebut. Peranan akhlak dalam upaya mewujudkan kebahagiaan ini adalah suatu yang tidak dinafikan. Anjuran al-Quran dan al-Hadis ke arah kehidupan sopan santun

dalam keluarga adalah suatu yang lengkap dan sempurna.

Berikut adalah contoh dari al-Quran mengenai adab sopan anak kepada kedua orang tuanya:

“Dan Tuhanmu telah perintahkan, supaya engkau tidak menyembah melainkan kepada-Nya semata-mata, dan hendaklah engkau berbuat baik kepada ibu bapa. Jika salah seorang dari keduanya, atau kedua-duanya sekali, sampai kepada umur tua dalam jagaan dan peliharaanmu, maka janganlah engkau berkata kepada mereka (sebarang perkataan kasar) sekalipun perkataan “Ha”, dan janganlah engkau menengking menyergah mereka, tetapi katakanlah kepada mereka perkataan yang mulia (yang bersopan-santun). Dan hendaklah engkau merendah diri kepada keduanya kerana belas kasihan dan kasih sayangmu, dan doakanlah (untuk mereka, dengan berkata): “Wahai Tuhanku! Cucurilah rahmat kepada mereka berdua sebagaimana mereka telah mencurahkan kasih sayangnya memelihara dan mendidikku semasa kecil.” (Surah al-Isra’ (17): 23-24)

Sehubungan dengan ayat di atas, terdapat sepotong hadis yang menyeru kepada kasih sayang di rumah mahu pun di luar rumah agar interaksi di antara golongan tua dengan muda berlangsung dengan baik: ““Bukanlah daripada kalangan kami orang yang tidak menyayangi orang yang lebih muda daripada kami dan menghormati orang yang lebih berusia daripada kami.” (HR Tirmizi: 1919)

Di samping hubungan anak dengan orang tuanya dalam keluarga, terdapat juga dalam al-Quran dan al-Hadis anjuran mengenai hubungan timbal balik di antara suami isteri untuk mewujudkan suasana harmoni yang penuh dengan kasih sayang. Khususnya, tanggungjawab suami terhadap isteri dan ahli keluarganya yang lain dapat kita ikuti dalam ayat al-Quran dan al-Hadis yang berikut: “Wahai orang-orang beriman! Peliharalah diri kamu dan keluarga kamu yang bahan-bahan bakarannya: manusia dan batu (berhala); ...” (Surah al-Tahrim (66): 6). Seterusnya, “Sebaik-baik kamu adalah yang paling baik terhadap keluarganya, dan aku adalah yang paling baik di antara kamu terhadap keluargaku.” (Riwayat Ibn Majah 1977)

Sebagai kesimpulan dari ayat-ayat al-Quran dan hadis-hadis di atas yang berhubung dengan peranan akhlak dalam keluarga, dapat dikatakan bahawa akhlak merupakan faktor dominan dalam mewujudkan keluarga bahagia. Segala cabaran, kesulitan serta krisis rumah tangga yang sewaktu-waktu datang melanda dapat di atasi dengan mengikuti pedoman akhlak karimah. Sedangkan keluarga yang jauh dari pendidikan akhlak yang Islamik akan mengalami kepincangan-kepincangan yang akan membuat kesempatan bagi keretakan dalam kerukunan rumahtangga. Rentetan keadaan porak-peranda dalam rumahtangga dapat membawa kesan-kesan negatif pada anak dan ahli keluarga yang lainnya sehingga lahirnya perbuatan-perbuatan yang bertentangan dengan akhlak Islam.

### **Peranan Akhlak dalam Negara**

Akhlak yang mulia tidak hanya diperlukan dalam kehidupan individu, keluarga dan masyarakat, malah turut diperlukan untuk kewujudan sebuah negara yang aman dan sentosa. Menurut Prof. Omar Mohammad Al-Toumy Al-Syaibany (1979: 318), peranan akhlak yang mulia bagi bangsa

dan negara adalah “dasar pokok untuk menjaga bangsa, negara, rakyat dan masyarakat dan oleh sebab akhlak itulah timbulnya amal saleh yang berguna untuk kebaikan umat dan masyarakat.”

Menurut Imam al-Hassan al-Banna (1906-1949), suatu bangsa akan menderita dengan bermacam-macam masalah seandainya bangsa tersebut tidak memberi keutamaan kepada pembangunan spiritual dan akhlak. Beliau pernah berkata: “Demi hidupmu, suatu negara tidak pernah sempit kerana penduduknya, tetapi akan sempit kerana rosaknya akhlak mereka sendiri.” (Qaradawi 1985: 45) Seiring dan senada dengan kata-kata Imam al-Hassan al-Banna, Hamka (Abdullah al-Qari Salleh 1985: 97) juga pernah mengingatkan pentingnya elemen akhlak dalam pembangunan suatu bangsa:

Tegak rumah kerana sendi,  
Runtuh sendi rumah binasa.  
Sendi bangsa ialah budi,  
Runtuh budi runtuhlah bangsa.

Apabila nilai-nilai akhlak diabaikan oleh sesuatu bangsa, maka merajalela kejahatan-kejahatan sosial seperti pembunuhan, ketagihan arak, penyalahgunaan dadah, penyimpangan seksual dan sebagainya. Dalam situasi dan keadaan yang demikian, kestabilan dan keamanan sesebuah negara berdepan dengan halangan dan rintangan bagi pembangunan-pembangunan fizik, mental, spiritual dan sebagainya.

Menurut Imam al-Hassan al-Banna lagi, krisis akhlak terjadi lebih dahulu dari krisis ekonomi dan politik. Dengan yang demikian, beliau dengan tegas telah menyerukan umat Islam agar memberi perhatian yang serius terhadap aspek pembinaan keperibadian Muslim. Hal ini, kita dapat lihat dalam salah sebuah gagasan beliau yang berbunyi: “Pembinaan bangsa, pendidikan masyarakat, pencapaian cita-cita dan memperjuangkan prinsip cita-cita, sekurang-kurangnya memerlukan jiwa yang tangguh dan agung. Hal-hal ini akan tercermin dalam kemahuan keras yang konsisten, keyakinan yang mantap, pengorbanan sejati, mengerti, percaya dan konsisten dengan prinsip.” (Qaradawi 1985: 46)

Akhlak yang mulia bukan hanya diharapkan pada rakyat sebuah negara sahaja, malah juga dari kalangan pemimpin atau penguasa sesebuah negara tersebut. Imam al-Ghazali dalam konsepnya mengenai negara yang bermoral, khususnya dalam membicarakan pemimpin atau penguasa yang tidak bermoral, telah mengutarakan beberapa kejahatan atau penganiayaan yang biasa dilakukan oleh pemimpin tersebut terhadap rakyatnya: (1) zalim terhadap kehormatan dan hak-hak manusia, (2) zalim terhadap harta benda rakyat, dan (3) zalim terhadap jiwa rakyat. (Zainal Abidin Ahmad 1975: 196)

Memang benar apa yang diutarakan oleh Imam al-Ghazali mengenai pemimpin negara yang tidak berakhlak (Alies Anor Abdul 2016: 77-80). Dewasa ini, ciri-ciri tersebut di atas kelihatan dengan jelas dan nyata pada segolongan pemimpin negara yang menindas rakyat untuk memuaskan hawa nafsu mereka sendiri. Ciri-ciri pemimpin negara yang Islamik adalah dia merupakan manusia yang berjiwa agama, berakhlak mulia serta seorang pembela rakyat. Gerak-geri dan tindakannya adalah sesuai dengan firman Allah yang bermaksud: “Sesungguhnya Allah menyuruh berlaku adil, dan berbuat kebaikan, serta memberi bantuan kepada kaum kerabat; dan melarang daripada melakukan perbuatan-perbuatan yang keji dan mungkar serta kekezaliman. Ia mengajar kamu (dengan suruhan dan larangan-Nya ini), supaya

kamu mengambil peringatan mematuhiya.” (Surah al-Nahl (16): 90)

Tindakan bijaksana dari pemimpin yang berakhlak mulia dapat melahirkan hasil kerjasama yang baik di antara pemimpin dan rakyat. Hasil dari kerjasama ini kehidupan sesebuah negara akan menjadi aman damai seperti penduduk Saba’ yang tersebut dalam ayat al-Quran yang bermaksud: “Demi sesungguhnya, adalah bagi penduduk negeri Saba’ satu tanda (yang membuktikan kemurahan Allah) yang terdapat di tempat tinggal mereka, iaitu: dua kumpulan kebun (yang luas lagi subur), yang terletak di sebelah kanan dan di sebelah kiri (kariah mereka) (lalu dikatakan kepada mereka): “Makanlah dari rezeki pemberian Tuhan kamu dan bersyukurlah kepadaNya; (negeri kamu ini adalah) negeri yang baik (aman dan makmur) dan (Tuhan kamu adalah) Tuhan yang Maha Pengampun!” (Surah Saba’ (34): 15)

Bagaimanapun, penduduk Saba’ dari negeri Yaman itu akhirnya dibinasakan apabila mereka kufur dan ingkar kepada Allah. Mereka memilih untuk terus berdegil dengan kekufuran walaupun amaran Allah sudah sampai kepada mereka melalui rasul-Nya. Dengan mengambil contoh perihal penduduk Saba’, pemimpin dan rakyat semasa diingatkan supaya menjaga akhlak dengan Allah, sesama sendiri dan dengan alam sekitar. Bagi menghadapi pemimpin yang zalim, Walaupun Imam al-Ghazali menyeru supaya umat Islam menjauhi dan membenci pemimpin tersebut, menurut apa yang lebih utama ialah menyedarkan pemimpin tersebut supaya insaf dan berhenti dari melakukan kezaliman. Dengan ini masyarakat dan negara dapat diselamatkan dari huru hara.

## KESIMPULAN

Tegasnya, akhlak dalam Islam merupakan fitrah kehidupan manusia. Benarlah ungkapan al-Ghazali bahawa akhlak adalah sesuatu yang terbit dari qalbu dan terpancar dalam tingkah laku manusia. Keindahan alam qalbu mencerminkan keindahan kejadian manusia. Hakikat ini telah dinukilkan dengan begitu indah oleh Maulana Jalaluddin Rumi dalam Mathnawinya:

Setiap keelokan, kecantikan dan kesempurnaan yang ada di alam ini hanya diciptakan untuk kamu.

Mereka tawaf di sekeliling kamu.

Kamulah yang dicemburi oleh Malaikat Muqarrabun.

Tiadalah kamu berhajat kepada kecantikan yang lain kerana diri kamulah kecantikan.”

Bait-bait mathnawi di atas membongkar rahsia tersirat di balik kejadian manusia adalah terzahirnya sifat-sifat Ilahi dan manusia adalah cermin yang memanasifestasikan keindahan dan keagungan Allah SWT.(Abul Hasan Nadwi 1992: 411).

Maka nilai manusia ditentukan oleh kedudukan akhlak semakin tinggi akhlak semakin tinggi nilai dan martabat manusia. Justeru Nabi Muhammad SAW menyeru umatnya menjaga keelokan akhlak dalam kehidupan harian dengan menghayati doa sebagaimana diriwayatkan juga oleh Imam Ahmad dari Ibnu Mas’ud radhiallahu, Rasulullah (SAW) pernah berdoa: “Ya Allah, sebagaimana Engkau telah memperindah rupaku maka perindahlah pula akhlakku.” (HR. HR. Ibnu Hibban: 964)

## RUJUKAN

- Abdul Salam Muhamad Shukri (1990). *Perubahan Sosial dan Pengaruhnya terhadap Nilai-Nilai Islam di Kalangan Masyarakat Setinggalan Melayu Petaling Jaya, Latihan Ilmiah*, Fakulti Usuluddin Akademi Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur
- Abdullah Al-Qari bin Haji Salleh (1985). *Dasar-Dasar Pendidikan Menurut Islam*. Kota Bharu: Pustaka Aman Press
- Abdullah Yusoff (1979). *Kamus Sinonim*. Kota Bharu: Sharikat Diana Sdn Bhd
- Abu Dawud (t.t.). *Sunan Abi Dawud*. Juzu' IV. Bandung: Maktabah Dahlan
- Abul Quasem, Muhammad (1978). *The Ethics of al-Ghazali: A Composite Ethics in Islam*. New York: Caravan Book
- Abul Hasan Nadwi (1992). *Pendukung Panji-Panji Islam Sepanjang Zaman*. Kuala Lumpur: Institut Pengajian Tradisional Islam(IPTI)
- Al-Attas, S. M. N. (1976). *Islam: The Concept of Religion and the Foundation of Ethics and Morality*. Kuala Lumpur: ABIM
- Al-Attas, S. M. N. (1995). *Prolegomena to the Metaphysics of Islam: An Exposition of the Fundamental Elements of the Worldview of Islam*. Kuala Lumpur: ISTAC
- Al-Bukhari (t.t.). *Sahih al-Bukhari*. Juzu' I. Cairo: Dar Maktabah al-Sha'bi
- Al-Darimi (1979). *Sunan al-Darimi*. Juzu'II. Cairo: Dar al-Fikr
- Al-Ghazali (t.t.). *Ihya' 'ulum al-din*. 4 vols. Cairo: Dar Ihya' al-Kutub al-'Arabi
- Al-Shaybani, Omar Mohammad Al-Toumy (t.t.). *Falsafah Pendidikan Islam*. (Terjemahan Hasan Langgulung). Jakarta: Bulan Bintang
- Al-Suyuti, Jamal al-Din 'Abd al-Rahman ibn Abi Bakr (t.t.). *Jami' al-saghir*. Juzuk II. Cairo: Isa al-Babi al-Halabi
- Alies Anor Abdul (2016). *Negara Masalahah: Pemikiran al-Ghazali dan Konteks Politik Malaysia*. Kuala Lumpur: Alies Anor Bin Abdul
- Ansari, Abdul Haq (1989). "Islamic Ethics: Concept and Prospect." *The American Journal of Islamic Social Sciences* 6: 1, 81-91
- Draz, M. A. (2008). *The Moral World of the Qur'an*. London: I. B. Tauris
- Hamka (1983). *Tasawuf Moderen*. Jakarta: Panjimas
- Haron Din, Prof. Dato' (1996). *Umat Islam Zaman Mutakhir: Masalah dan Penyelesaian*. Kuching, Sarawak: Encorp Group Sdn Bhd
- Haron Din, Prof. Dr. (1988). *Manusia dan Islam*. Kuala Lumpur: Percetakan Watan
- Ibn Hanbal, Ahmad (1978). *Musnad Ibn Hanbal*. Juzu' I. Beirut: Dar al-Fikr
- Ibn Majah (t.t.). *Sunan Ibn Majah*. Juzu' II. Beirut: Dar al-Fikr
- Ibn Miskawaih (1994). *Menuju Kesempurnaan Akhlak: Buku Daras Pertama tentang Filsafat Etika*. Bandung: Penerbit Mizan
- Izutsu, Toshihiko (2004). *Ethico-Religious Concepts in the Qur'an*. Kuala Lumpur: Islamic Book Trust
- M. Kamal Hassan (2011). *Voice of Islamic Moderation from the Malay World*. Ipoh Perak: Emerging Markets Innovative Research (M) Sdn Bhd
- Ma'luf, Louis (1984). *Al-Munjid fi l-lughah wa l-a'lam*. Beirut: Dar Mashariq
- Mohd Abbas Abdur Razak (1992). *Konsepsi Pendidikan Akhlaq Menurut Iqbal*, Kertas Kerja Utama Skripsi, Fakultas Tarbiyyah, Institut Agama Islam Negeri Jami'ah Ar-Raniry

Darussalam, Banda Aceh

- Mohd Abbas Abdul Razak (2017). "Foundations of Islamic Ethics." In A. Latif A. Razak (ed.). *Ethics & Fiqh for Everyday Life*. Batu Caves, Selangor: The International Institute of Islamic Thought (IIIT E&SEA) and International Islamic University Malaysia, 1-17
- Muslim (t.t.). *Sahih Muslim*. Juzuk I. Bandung: Maktabah Dahlan
- Mustafa Mohamed al-Jiasi al-Ahmad (1991). *Mengenal Diri dan Wali Allah*. Kota Bharu: Pustaka Aman Press
- Qaradawi, Yusof (1985). *Sistem Pendidikan Ikhwanul Muslimin* (Terjemahan Mohd. Nabhan Husein). Kuwait: International Islamic Federation of Student Organization
- Qutb, Muhammad (1985). *Jahiliah Abad Dua Puluh*. (Terjemahan Muhammad Tohir & Abu Laila). Bandung: Penerbit Mizan
- Saiyidain, K. G. (1992). *Iqbal's Educational Philosophy*. Cetakan Semula. Lahore: SH Muhammad Ashraf
- Sudarsona, Drs. SH. (1990). *Kenakalan Remaja: Prevensi, Rehabilitasi dan Rasionalisasi*. Jakarta: Renika Cipta
- Walzer, R. & Gibb, H. A. R. Art. "Akhlaq." *The Encyclopedia of Islam*. new ed., I: 325-27
- Yakan, Fathi (1987). *Sifat dan Sikap Seorang Muslim* (Terjemahan Jamaluddin Kafie). Singapura: Pustaka Nasional
- Zainal Abidin Ahmad (1975). *Konsepsi Negara Bermoral Menurut Imam al-Ghazali*. Jakarta: Bulan Bintang
- Zaroug, Abdullahi Hassan (1999). "Ethics from an Islamic Perspective: Basic Issues." *The American Journal of Islamic Social Sciences* 16: 3, 45-61
- Zurayk, Constantine K. (1968). *The Refinement of Character: A Translation from the Arabic of Ahmad ibn Muhammad Miskawayh's Tahdhib al-Akhlaq*. Beirut: The American University of Beirut